



11 September 2009



Rujukan Reference : MITI/STS/785 Jld. 2 (53)
Tarikh Date : 23 Disember 2011

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/ Puan,

PENGISYTIHARAN DAN PENGESAHAN PERMIT (VALIDATION OF PERMIT) MANUAL DI BAWAH AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010 (STA)

Saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa mulai **1 Mac 2012**, **Sistem Maklumat Kastam (SMK)** akan membuat **pengesahan (validation)** terhadap semua permit di bawah STA.

3. **Permit-permit manual** yang telah diluluskan adalah **masih sah** digunakan sehingga **tarikh luput** permit. Walau bagaimanapun, pihak Tuan/ Puan dikehendaki mendapatkan **Nombor Permit Atas Talian (Online)** bagi tujuan pengesahan (validation) dalam SMK tersebut. Perkara ini boleh dilakukan melalui **sistem ePermit STA** mulai **25 Januari 2012**. Carta aliran permohonan bagi mendapatkan Nombor Permit Atas Talian (Online) adalah seperti di **Lampiran I**.

4. Ingin diingatkan bahawa, MITI **tidak akan bertanggungjawab** ke atas sebarang masalah yang timbul semasa pengeksportan **lanjutan daripada kegagalan** pihak Tuan/ Puan untuk mengemukakan Nombor Permit Atas Talian (Online) semasa **pengisytiharan (declare)**.

5. Sukacita diingatkan juga, **permohonan permit-permit seterusnya** hendaklah dilakukan **secara atas talian (online)** melalui laman sesawang **<http://www.mytradelinks.gov.my>**, yang dikendalikan oleh Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'

Saya yang menurut perintah,

(MOHAMED SHAHABAR ABDUL KAREEM)
Pengawal Perdagangan Strategik
Sekretariat Perdagangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

s.k.

1. Fail Syarikat
2. Puan Zulina Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Tower 3, Avenue 5, The Horizon
No.8, Jalan Kerinchi, Bangsar South
59200 KUALA LUMPUR

**CARTA ALIRAN PERMOHONAN NOMBOR PERMIT ATAS TALIAN (ONLINE)
BAGI PEMEGANG PERMIT MANUAL**



